



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 July 2015

PM hadir tahlil Jamaludin Jarjis

UM
- 10/7/2015

KUALA LUMPUR 9 Julai -Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyertai majlis tahlil dan bacaan Yasin untuk Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis di Masjid Negara di sini.

Majlis tahlil yang diketuai oleh Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad itu bermula pada pukul 6.30 petang dan dihadiri lebih 500 orang.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Hasan Arifin.

Terdahulu, Najib menunaikan zakat fitrah untuk diri dan tanggungannya di masjid berkenaan.

Zakat tersebut diserahkan kepada amil bertugas daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Mohd. Rusdi Abd. Salim.

Jamaludin yang merupakan Pengerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ialah antara enam yang terkorban dalam tragedi helikopter AS365 yang terhempas dan terbakar di Jalan Sungai Lalang, Kampung Pasir Baru, Semenyih pada 4 April lalu.